

Kakitangan UTHM di Jepun selamat

JOHOR BAHRU 15 Mac – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini mengesahkan bahawa semua ahli akademiknya yang sedang menuntut di Jepun berada dalam keadaan selamat selepas negara itu dilanda gempa bumi dan tsunami minggu lalu.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, seramai 43 orang kakitangan UTHM sedang mengikuti pengajian di peringkat PhD di Jepun dan maklumat yang diterima dari Jepun mengesahkan status setiap daripada mereka.

“Daripada jumlah tersebut hanya dua orang staf UTHM yang berada di wilayah yang dilanda bencana iaitu Nabilah Ibrahim yang menuntut di Universiti Tohoku dan Mohammad Kamil Abdullah di Universiti Iwate, kedua-duanya terletak di Sendai,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jelasnya, Nabilah dan Mohammad Kamil disahkan selamat dan UTHM merancang menyalurkan bantuan sewajarnya demi memastikan pengajian mereka tidak terjejas.

Katanya lagi, UTHM akan terus memantau secara rapat perkembangan di Jepun demi memastikan keselamatan dan kebajikan kakitangan yang berada di sana berada pada tahap terbaik.

UM 16/3